

OLEH ABD KADIR MOHD AYUB

# SENGSARA

## BERSUAMIKAN LELAKI ASING

**M**ahligai cinta yang diimpikan sebagai syurga, idaman bertukar menjadi "neraka" dunia. Itulah perumpamaan yang dapat difafsirkan bagi wanita tempatan yang membuat keputusan terburu-buru memilih untuk berkongsi hidup dengan lelaki warga asing yang akhirnya menyaksikan ada antara mereka merana seumur hidup.

Lebih memilukan, selain harta yang dimiliki dikikis sedikit demi sedikit, lelaki yang didambakan sebagai teman sehidup semati akhirnya menghilangkan diri tanpa dapat dikesan. Akibat mahu bersuamikan lelaki warga asing yang dikatakan lebih kacak, gagah, berani, romantik, serta pandai mengambil hati, rumah tangga yang dibina akhirnya hancur sehingga mengundang masa depan yang gelap.

Kisah hitam di atas merupakan antara pengalaman yang dilalui oleh sesetengah wanita tempatan angkara termakan dengan pujuk rayu lelaki warga asing. Sejak kebelakangan ini, masyarakat didedahkan dengan kes wanita tempatan yang teraniaya, selepas berkahwin dengan lelaki warga asing. Namun begitu, saban hari pasti ada sahaja wanita mahupun gadis-gadis muda yang terperangkap dalam jerat cinta mereka. Yang paling membimbangkan ialah ada dalam kalangan mereka yang bersekedudukan sehingga melahirkan anak. Anak tersebut pula tidak didaftarkan atas beberapa alasan dan faktor. Berkemungkinan besar adalah disebabkan perasaan malu yang menebal. Lalu, selain masalah yang "dicipta" sendiri belum diatasi, malang lain pula datang

bertimpa-timpa sehingga membawa penyesalan seumur hidup.

### Mereka Mudah Terpengaruh?

Melihat akan situasi yang berlaku, apakah faktor utama yang menyebabkan peningkatan bilangan rakyat tempatan yang dilihat semakin banyak mengahwini warga asing, terutamanya dalam kes yang melibatkan wanita tempatan dan segelintir gadis muda.


Sebelum ini, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menyarankan supaya kajian lanjut perlu dijalankan bagi melihat motif sebenar mereka sama ada warga asing yang berkahwin dengan penduduk tempatan tersebut hanya mahu mendapatkan status pemastautin tetap (PR) atau melibatkan faktor-faktor lain.

Lazimnya, wanita tempatan yang mudah terpengaruh dengan lelaki warga asing ini kebanyakannya terdiri daripada wanita pertengahan umur. Pada masa yang sama, terdapat juga golongan yang berstatus janda dan andartu yang kesunyian kerana tiada teman rapat untuk berkomunikasi. Mereka kemudiannya mencari teman melalui laman sosial yang menyediakan khidmat mencari jodoh. Walau bagaimanapun, menerusi laman tersebut, tidak memberikan jaminan tentang identiti lelaki yang berkenaan sama ada mereka memberikan maklumat yang betul atau tidak.

Akibat teruja untuk berkenalan dengan lelaki warga asing, wanita tersebut membuat keputusan untuk



Prof. Madya Dr. Mohd. Samsudin, "Warga asing yang terlibat sememangnya berniat jahat dan sentiasa mencari peluang untuk menipu mangsanya."



menjalini hubungan yang lebih serius dengan memulakan komunikasi di laman sosial.

Menyedari akan hal tersebut yang semakin membimbangkan, *Dewan Masyarakat* telah melakukan kajian lapangan dengan menemu bual pakar sejarah yang juga Pengarah Muzium Warisan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mohd. Samsudin untuk mendapatkan pandangan beliau. "Lelaki warga asing sememangnya mahir meyakinkan wanita tempatan dengan memberikan kata-kata penghargaan dan pujian kepada mereka. Wanita tempatan pula akan bersungguh-sungguh memenuhi kehendak lelaki tersebut kerana membalas kesudian mereka untuk berkawan dengannya," jelas Dr. Mohd. ketika diajukan faktor utama yang menyebabkan hubungan yang dibina atas talian berlanjutan sehingga mengundang padah kepada wanita terbabit.

Sesetengah masyarakat sering membuat andaian bahawa faktor utama yang menyebabkan hal ini terus berlaku ialah kurangnya didikan agama sehingga mendorong mereka mengikut hawa nafsu. Keadaan menjadi semakin parah apabila dalam kalangan warga asing itu pula ada yang bukan Muslim. Bagi mengungkap persoalan ini, Dr. Mohd. berpendapat, beliau tidak melihat faktor agama sebagai perkara yang mempengaruhi golongan wanita untuk terpedaya dengan helah lelaki warga asing kerana setiap daripada

lapisan masyarakat di negara ini mempunyai asas didikan agama yang kuat sejak kecil lagi.

Jika di sekolah, pelajar Muslim memiliki pengetahuan asas agama melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, dan pelajar bukan Muslim pula dibekalkan ilmu dengan Pendidikan Moral. Kombinasi didikan dari rumah seharusnya dapat menghalang mereka untuk terjebak dan daripada termakan dengan pujuk rayu lelaki warga asing yang mempunyai motif tersembunyi. Bentuk pendidikan ini telah diberikan sedari mereka kecil hinggalah mereka tamat persekolahan, serta tidak terhad kepada mereka yang terpelajar. "Isunya ialah pegangan jati diri yang tidak kukuh terhadap nilai-nilai agama yang telah dipelajari oleh mereka sebelum ini," tegas Dr. Mohd. Tambah beliau, mereka gagal menghayati dan mengamalkan asas agama yang sepatutnya dapat membendung mereka daripada berlakunya perkara seperti ini. Maka, tidak hairanlah andai terdapat wanita tempatan mudah terpengaruh dengan kata-kata manis daripada lelaki warga asing yang mempunyai niat tertentu ke atas mereka.

Sehingga kini, tidak ada statistik atau kajian yang mengabsahkan kes yang berlaku ini lebih tertumpu pada wanita Melayu. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kes yang berlaku sememangnya banyak melibatkan

wanita Melayu berbanding dengan wanita daripada kaum lain. "Gadis Melayu menjadi sasaran bagi warga asing. Mereka lebih mudah terikut-ikut dan terpedaya kerana sebelum itu mereka tidak pernah terdedah kepada penipuan yang membabitkan warga asing. Masyarakat perlu memberikan pendedahan kepada golongan wanita dan gadis muda tentang risiko yang bakal dihadapi jika tersilap membuat pilihan," tegas Dr. Mohd. Akibat tersalah membuat pilihan dalam usaha mencari teman akan memberikan kesan seumur hidup. Oleh hal yang demikian, media juga berperanan penting untuk memberikan kesedaran kepada wanita dan gadis Melayu agar tidak terus terjebak dalam kes yang sukar untuk menemui jalan penyelesaian ini.


Kes penipuan membabitkan lelaki warga asing dengan wanita dan gadis tempatan sering kali berlaku di luar pengetahuan ibu bapa. Oleh hal yang demikian, adakah ibu bapa wajar dipersalahkan dalam hal ini? "Tidak wajar ibu bapa dipersalahkan seratus peratus terutamanya dalam kes ibu bapa yang tidak mengetahui tindakan yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Ibu bapa hanya mengetahui setelah penipuan itu berlaku," demikian tegas Dr. Mohd. Menurut beliau, perkara yang berlaku termasuklah manipulasi warga asing yang berniat buruk untuk memperdaya wanita dan gadis tempatan. Warga asing yang terlibat ini sememangnya berniat jahat dan sentiasa mencari peluang untuk menipu mangsanya. Tambahan pula, wanita tempatan yang terjebak dengan kes penipuan dan pujuk rayu lelaki warga asing tersebut sudah cukup dewasa dan seharusnya dapat membuat pertimbangan yang waras dan jelas dalam setiap tindakan mereka.

"Ibu bapa telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya dalam hal memberikan didikan agama serta asuhan yang terbaik berlandaskan nilai masyarakat Timur agar anak mereka mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan mereka," jelas Dr. Mohd. Yang paling utama masyarakat perlu membina kembali sikap ambil peduli seperti yang diamalkan dalam sistem masyarakat tradisional sebelum ini.

Kecanggihan teknologi yang sentiasa berubah-ubah, malah mudah untuk dicapai dan digunakan oleh semua pihak menjadikan wanita di negara ini mempunyai potensi untuk menjadi mangsa kepada sindiket terancang oleh lelaki warga asing. "Oleh sebab mudahnya aplikasi teknologi ini dapat dicapai, maka akses kepada laman sosial yang berkaitan dengan agensi cari jodoh sering menjadi modus operandi yang dijalankan oleh lelaki warga asing," ulas Dr. Mohd. Wanita tempatan yang menggunakan laman sesawang sedemikian tidak pula menyedari dengan sedalam-dalamnya tentang maklumat lelaki warga asing di laman tersebut. Rentetan itu, mereka mempercayai sepenuhnya jika lelaki yang mereka lihat di laman sosial ini umpamanya berwujud kakak serta berlatarbelakangkan ahli perniagaan yang berjaya. Perkara sebegini berlaku kerana mereka membiarkan keinginan hati menguasai akal yang waras kerana gagal membuat pertimbangan rasional dan keputusan yang tepat.

Selain itu, terdapat juga kes penipuan seperti *romance scam* (penipuan cinta) yang merupakan helah secara romantik yang melibatkan seorang mangsa





untuk mendapatkan cinta bagi melakukan penipuan seperti wang, akaun, kad kredit, pasport, akaun e-mel atau nombor kad pengenalan. Modus operandi yang dilakukan oleh lelaki warga asing tersebut menjadikan wanita tempatan terutamanya wanita pertengahan umur ditipu dengan segala harta kekayaan mereka dikikis oleh lelaki warga asing tersebut.

### Wanita Tempatan Tidak Serik?

Meskipun media cetak di negara ini kurang mengangkat kes sebegini, namun sedari dahulu masyarakat telah didedahkan dengan kesengsaraan yang dialami oleh sebilangan wanita atau gadis di negara ini yang akhirnya menyaksikan perkahwinan mereka terhenti di pertengahan jalan kerana suami warga asing menghilangkan diri. Wanita tempatan masih lagi terlibat dengan kes ditipu oleh lelaki warga asing walaupun pihak berwajib sudah pun memberikan pendedahan yang banyak kepada masyarakat. Adakah mereka merasakan kes penipuan tersebut hanyalah kes terpencil?

"Jika wanita tempatan masih terlibat, berkemungkinan besar mereka menjalani kehidupan bebas yang menyebabkan mereka tidak begitu mengambil berat dengan perbuatan tersebut, apatah lagi memikirkan kesan daripada perbuatan mereka kelak," bicara Dr. Mohd. Pada masa yang sama, mereka telah dikaburi dengan janji manis golongan lelaki warga asing tersebut dengan limpahan dan kemewahan, maka mereka tidak akan mepedulikan lagi nasihat dan amaran pihak berwajib tentang golongan lelaki warga asing yang ingin mengambil kesempatan terhadap mereka.

Sebagai perbandingan, Dr. Mohd. menyatakan, senario di negara Arab telah memperketat undang-

undang mereka berkaitan perkahwinan dengan warga asing. Malah, mereka turut mengharamkan rakyatnya daripada mengahwini warganegara dari negara Asia dan sebuah negara Afrika yang bermasalah. Justifikasi kepada tindakan tersebut adalah kerana pemerintah negara Arab tersebut bimbang apabila statistik menunjukkan populasi komuniti warga asing telah melebihi 500 000 orang di negara tersebut. Hal ini sudah pasti mendorong mereka untuk melakukan tindakan susulan selepas itu kerana berandaian jumlah warga asing sudah mengatasi penduduk asal negara Arab.

Usaha lain yang dilakukan oleh pemerintah negara Arab termasuklah dengan memperketat formaliti bagi mengahwini seorang warga asing dengan memastikan hanya lelaki berusia 25 tahun dibenarkan untuk berkahwin dengan seorang wanita warga asing. Jika lelaki tersebut baru sahaja melalui proses penceraian, dia hendaklah menunggu selama enam bulan sebelum memohon perkahwinan baharu. "Walau bagaimanapun, langkah ini ada pro dan kontranya yang tersendiri," jelas Dr. Mohd. Menurut beliau, berdasarkan sisi baiknya, prosedur dan syarat tersebut sedikit sebanyak akan membantukan terus perkahwinan dengan warga asing daripada terus berlaku. Malah, mungkin mereka bertindak membataikan terus perkahwinan tersebut kerana tidak sanggup melalui prosedur yang rumit. Namun begitu, kaedah ini juga terdapat kekurangannya. Jika individu yang ingin mengahwini seorang lelaki warga asing ini benar-benar nekad dengan niat mereka, tidak mustahil untuk mereka tidak mengendahkan atau patuh kepada peraturan dan undang-undang tersebut. Malah, mereka sanggup untuk kahwin lari ke negara lain yang mempunyai prosedur perkahwinannya lebih mudah.



### Langkah Membendung Masalah

Adakah dasar yang diamalkan di negara ini menyebabkan warga asing tidak teragak-agak untuk melakukan jenayah? Sebagai contoh, mereka tidak teragak-agak untuk melakukan penipuan cinta, penyalahgunaan pas lawatan, pas pelajar untuk tujuan lain, melakukan penderaan seksual, dan sebagainya. Tidak cukupkah dengan penguatkuasaan undang-undang di negara ini?

Undang-undang yang berkaitan dengan kemasukan warga asing ke negara ini sememangnya sentiasa perlu diperkemas dan diperketat dari semasa ke semasa agar tidak dimanipulasikan. "Hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan yang disebutkan tadi perlu lebih berat," jelas Dr. Mohd. Seharusnya lelaki warga asing yang ingin berkahwin dengan wanita tempatan perlu mengemukakan dokumen perjalanan yang sah, visa, pas selain surat akaun memeluk Islam sebelum dibenarkan mendaftar perkahwinan. Sekiranya syarat ini dipenuhi, permohonan untuk berkahwin dengan warga asing tidak dilarang selagi memenuhi syarat sekali gus mengelakkan maksiat daripada terus berleluasa.

Kebanyakan lelaki warga asing yang masuk ke negara ini menggunakan pas lawatan sosial atau pas lawatan kerja. Seharusnya sebelum

## FAKTA UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

- Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed dalam kenyataannya menjelaskan, wanita yang berkahwin dengan lelaki warga asing tanpa mematuhi syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia boleh dikenakan tindakan kerana melindungi pendatang asing tanpa izin. Hal tersebut merupakan kesalahan mengikut Seksyen 55E (1) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM10 000, atau penjara sehingga lima tahun atau enam sebatan.
- Mengikut Akta Imigresen 1956/63, buruh asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) tidak dibenarkan berkahwin dengan rakyat tempatan dan jika gagal dipatuhi, permit mereka terbatal secara automatik dan dikehendaki untuk pulang ke negara asal.
- Bagi warga asing yang ingin berkahwin dengan rakyat tempatan, mereka dikehendaki pulang ke negara mereka dan masuk semula menggunakan pas lawatan sosial selepas enam bulan kemudian. Antara kesan yang bakal berlaku termasuklah berlakunya kes penceraian, multibik akibat pinjaman tidak berbayar selain anak yang dilahirkan diiktiraf sebagai anak tidak sah taraf selepas permit kerja dibatalkan.
- Warga asing yang mahu berkahwin dengan warga tempatan perlu melengkapkan dokumen asas seperti visa, pas dan surat akaun memeluk Islam terlebih dahulu supaya perkahwinan boleh didaftarkan di negara ini. Dokumen yang disertai perlu disahkan oleh pihak yang berkelayakan.
- Warga asing tidak diwajibkan menghadiri kursus atau sijil kursus praperkahwinan.
- Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah merekodkan 4503 kes penceraian perkahwinan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2014-2016.
- Pemberian sijil lahir kepada anak warga asing bukan pengesahan sebagai warganegara.
- Walaupun setiap kelahiran di negara ini wajib berdaftar dengan JPN, penentuan status warganegara adalah berlandaskan undang-undang, termasuk pengiktirafan perkahwinan ibu bapa di negara ini.
- Banyak pihak berpendapat anak warga asing yang memiliki sijil lahir JPN mendapat taraf warganegara secara automatik, namun sebenarnya tidak tepat. Sijil lahir yang diberikan sebenarnya tidak mengiktiraf anak warga asing sebagai warganegara. Sijil tersebut hanya sebagai akaun bahawa anak tersebut telah dilahirkan di negara ini.
- Anak pasangan warga asing boleh diiktiraf sebagai warganegara jika pasangan yang berkenaan memiliki PR dan perkahwinan mereka diiktiraf di Malaysia.
- Taraf warganegara juga diberikan kepada anak yang dilahirkan kepada pasangan berlainan kewarganegaraan dengan syarat seorang daripadanya merupakan warganegara dan perkahwinan mereka diiktiraf di Malaysia.

mereka diberi kebenaran masuk ke negara ini, mereka perlu melalui satu penilaian khusus dan terperinci.

"Sekiranya mereka memenuhi penilaian tersebut barulah pas kerja atau pelajar dapat diberikan kepada mereka," tegas Dr. Mohd. Hal ini dikatakan demikian kerana pas yang disediakan tersebut sebenarnya menjadi tiket penting bagi membuka peluang untuk memasuki dan terus berada di negara ini. Sekiranya mereka melakukan sebarang kesalahan, selepas mendapat pas kerja atau lawatan, maka mereka perlu dihantar pulang ke negara asal serta-merta. Tempoh untuk mereka kembali ke negara ini perlu ditukar kepada satu tempoh yang lebih lama daripada yang telah ditetapkan.

Perlu diingatkan bahawa sistem data dan rekod imigresen di negara ini merupakan antara yang terbaik

di rantau Asia. Namun begitu, sistem tersebut perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa. "Sistem tersebut sewajarnya mampu mengadakan rangkaian dengan sistem data antarabangsa terutamanya dengan negara-negara ASEAN supaya dapat berkongsi maklumat tentang warga asing yang melakukan kesalahan imigresen dan penipuan ke atas wanita agar negara kita mendapat amaran awal," jelas Dr. Mohd.

Pada masa yang sama, sistem transaksi kewangan juga perlu diperketat dengan adanya pemantauan daripada pihak bank komersial, dan Bank Negara pula mampu menghalang transaksi wang secara dalam talian. Dalam hal ini, masyarakat harus memandang serius terhadap jenayah penipuan yang dilakukan oleh warga asing. Oleh itu, pihak berkuasa khususnya dan masyarakat amnya tidak harus leka dan memberikan ruang untuk jenayah penipuan terhadap dan wanita dan gadis tempatan daripada terus berlaku.

#### Pandangan dari Sudut Pihak berkuasa

Warga asing layak mendapat taraf pemastautin tetap (PR) dengan tinggal di negara ini secara berterusan selama lima tahun. Adakah syarat ini terpakai kepada semua warga asing? Hal ini dikatakan demikian kerana warga asing yang menetap di negara ini memiliki latar belakang yang berbeza. Mereka terdiri daripada pelabur, golongan profesional, peniaga, pekerja kontrak di sektor perkilangan, perladangan, pembinaan, dan lain-lain lagi.

Rata-rata lelaki warga asing yang tinggal di negara ini mengambil kesempatan berkahwin dengan wanita tempatan. Jika dilihat secara terperinci, perbezaan umur antara mereka dengan wanita tempatan terlalu jauh. Mereka jauh lebih muda dari segi perbezaan umur. Dari situ, masyarakat berandaian terdapat sesuatu yang tidak kena umpamanya mereka mempunyai motif tersembunyi. Sebagai contoh, keinginan mereka untuk memperoleh taraf PR supaya terus dapat mencari rezeki di negara ini. Mana-mana wanita yang terpengaruh pula akan terjebak dalam penipuan ini. Bagi yang melahirkan anak di Malaysia, sudah pasti anak yang dilahirkan turut menikmati taraf sebagai warganegara kerana pasangan mereka merupakan warganegara.

Mengulas lanjut tentang perkara tersebut, Dewan Masyarakat turut berkesempatan menemu bual Datuk Seri Haji Mustafar Haji Ali, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, untuk mendapatkan pandangan beliau dari sudut undang-undang.

"Dari sudut undang-undang, anak yang dilahirkan di Malaysia diiktiraf sebagai warganegara Malaysia yang sah jika lahir di Malaysia," jelas Datuk Seri Haji Mustafar. Ketika diajukan persoalan

tentang tindakan sesetengah warga asing yang masuk ke negara ini dengan menyalahgunakan pas pelajar, beliau menjelaskan, mereka secara automatik bertukar status menjadi pendatang asing tanpa izin (PATI). "Sebagai contoh, apabila seorang pelajar warga asing masuk ke negara ini, tetapi tidak menamatkan pelajaran di institusi pengajian yang dipohonnya, atau dia pergi bekerja, mereka sudah jadi PATI kerana menyalahgunakan pas tersebut," tegas Datuk Seri Haji Mustafar.

Mengulas tentang penubuhan institusi pengajian swasta yang semakin banyak muncul di ibu kota, beliau turut menyatakan bahawa terdapat institusi yang ditubuhkan bukan bertujuan untuk mencari pelajar, tetapi ada yang bertujuan mencari pekerja-pekerja untuk di bawa masuk ke Malaysia. Mereka menggunakan alasan untuk merekrut pelajar. "Terdapat beberapa majikan yang licik mencipta peluang dengan menggunakan pelbagai cara untuk membawa masuk warga asing," ulas Datuk Seri Haji Mustafar. Beliau mendakwa, ada yang masuk ke negara ini sebagai pelajar kemudian bertukar status menjadi pekerja. Mereka melakukan hal tersebut untuk mengelakkan diri daripada dikenakan caj levi yang sudah diperuntukkan dalam kategori bidang pekerjaan masing-masing. Sebagai contoh, untuk mendapatkan caj levi yang murah, mereka memilih untuk membayar dalam sektor pertanian, tetapi sebenarnya mereka bekerja di sektor pembinaan yang memerlukan mereka membayar pada harga RM 1850. Pekerjaan dalam sektor pertanian hanya memerlukan mereka membayar sebanyak RM 640 sahaja. Perkara-perkara sebegini menyebabkan mereka




Datuk Seri Haji Mustafar Haji Ali, "Warga asing yang menyalahgunakan pas pelajar untuk bekerja secara automatik bertukar status menjadi PATI."

mengexploitasi segala ruang yang ada. Pada masa yang sama, secara tidak langsung peningkatan jenayah dalam kalangan mereka turut bertambah dari semasa ke semasa.

Berbalik kepada warga asing yang berkahwin dengan wanita tempatan, jika terbukti mereka melakukan penderaan fizikal terhadap wanita tersebut, adakah keistimewaan mereka ditarik balik atau tidak jika mereka sudah memiliki permit masuk?

Menurut Datuk Seri Haji Mustafar, mana-mana individu yang melakukan penderaan dalam apa-apa jua bentuk sekali pun, tidak kira sama ada mereka warganegara atau tidak, mereka akan dikenakan tindakan. "Jika mereka masuk penjara misalnya, ketetapan yang dibuat, pihak imigresen mempunyai kuasa untuk membatalkan apa-apa sahaja bentuk pas yang dimiliki individu terbabit waima permit masuk sekalipun," tegas beliau. Menurut Datuk Seri Haji Mustafar, warga asing yang memiliki permit masuk memiliki satu keistimewaan bagi mereka untuk terus tinggal di negara ini kerana turut berhak mendapat taraf PR. "Pihak Imigresen boleh membatalkan semua bentuk pas termasuklah permit masuk jika mereka dianggap sebagai golongan yang tidak dikehendaki, dan pihak imigresen boleh melaporkan balik jika terbukti mereka bersalah seperti melakukan penderaan fizikal terhadap isteri yang merupakan warga tempatan," tegas Datuk Seri Haji Mustafar.

"Masalah utama yang berlaku ialah apabila kita sudah menolok mereka ini, terdapat pula dalam kalangan



Pemberian sijil lahir kepada anak warga asing bukan bermaksud pengesahan sebagai warganegara.

mereka sudah berkeluarga dan mempunyai anak di Malaysia," jelas Datuk Seri Haji Mustafar. Hal tersebut merupakan antara isu yang agak rumit untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun, mengikut ketetapan pihak Imigresen, beliau menegaskan bahawa kedaulatan dan keselamatan negara lebih penting dan perlu diutamakan tanpa sebarang kompromi. Persoalannya jika kita ke negara orang, kita sentiasa menaja tatasusila, mengapa mereka tidak boleh bersikap begitu? Mengapa mereka datang ke negara kita untuk melakukan perkara yang menyimpang dari sudut undang-undang?

Sejak kebelakangan ini, masyarakat sering melabelkan Malaysia merupakan antara negara yang mudah mengeluarkan taraf PR kepada warga asing. Jika pemberian taraf tersebut diberikan kepada golongan profesional, hal tersebut tidak menjadi sebarang masalah, namun bagi golongan yang bekerja dalam sektor bukan profesional, apatah lagi tidak menabur jasa terhadap pembangunan negara, hal tersebut menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat. Adakah perkara ini benar? Atau adakah mereka mudah mendapat keistimewaan tersebut kerana berkahwin dengan warganegara?

"Permit masuk dan PR diberikan atas sebab-sebab tertentu, yang melibatkan sudut perundangan atau budi bicara untuk meletakkan kepentingan kepada negara," jelas Datuk Seri Haji Mustafar. Menurut beliau, memang tidak dapat dinafikan bahawa warga asing yang mendapat permit masuk dan PR mendapat keistimewaan atas alasan selalu berulang-alik ke negara ini, dan individu tersebut juga seharusnya mampu memberikan faedah

tertentu kepada negara. Sebagai contoh, pelabur yang sering berulang-alik ke negara ini lebih mudah berurusan jika sudah memiliki PR. Walau bagaimanapun, mereka perlu melalui tapisan yang ketat sehinggakan dalam kes tertentu pasukan imigresen turut bekerjasama dengan pihak polis untuk menyiasat latar belakang mereka selain pemberian PR turut bergantung pada kuasa Menteri Dalam Negeri.

Bagi warga asing yang sudah mendapat taraf PR pula, 90 peratus daripada kes tersebut dikatakan melibatkan hubungan kekeluargaan jika sudah berkahwin dengan rakyat Malaysia dan tinggal melebihi tempoh syarat yang telah ditentukan. Maka, warga asing tersebut mempunyai hak untuk memohon permit masuk sekali gus mendapat taraf PR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. "Peraturan tertinggi yang kita luluskan permit masuk itu sebenarnya adanya hubungan kekeluargaan, sudah berkahwin dengan rakyat tempatan, memiliki anak, serta tinggal melebihi tempoh yang telah ditetapkan. Oleh sebab itulah, masyarakat nampak seolah-olah pemberian permit masuk sekali gus PR kelihatan seperti mudah walhal mereka juga perlu melalui tapisan undang-undang," jelas Datuk Seri Haji Mustafar. Tambah beliau, kelulusan permit masuk yang diberikan agak rendah berbanding dengan bilangan permohonan. Hal ini menunjukkan pihak imigresen telah melakukan saringan yang ketat sebelum meluluskan permohonan permit masuk. Bilangan golongan profesional yang diberi permit masuk hanya melibatkan 10 peratus sahaja.

### Kes 1 - Sengsara Jadi Pemuas Nafsu



Fiza (bukan nama sebenar), 28 tahun, memberitahu selepas dua bulan berkenalan, dia kehilangan mahkota kegadisannya selepas Ameer, lelaki berasal dari Nigeria membawanya berhibur di sebuah kelab malam di sekitar ibu kota. "Saya hanya mendapati sudah terlanjur dengannya apabila bangun daripada tidur keesokan harinya. Saya syak diberi pil khayal semasa berada di kelab malam yang menyebabkan saya tidak sedarkan diri dan dibawa ke bilik hotel," luah Fiza kepada *Dewan Masyarakat* semasa ditemui di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Fiza memberitahu, kerana terlalu menyayangi Ameer, dia membuat keputusan untuk berkahwin tanpa pengetahuan keluarga dan berhenti belajar semasa tahun akhir. Walau bagaimanapun, ketika usia perkahwinan mencecah setahun lebih, dia disahkan hamil serta tidak dapat bekerja lagi di kelab malam. Suaminya bertindak menghilangkan diri sehinggalah dia melahirkan anak kira-kira tiga tahun lalu.

"Saya sangat menyesal mengenalinya kerana sepanjang berhubung dengannya kenangan manis cumalah sementara waktu, selebihnya saya tidak ubah dilayan seperti pelacur," terang Fiza dengan linangan air mata. Yang paling dikesalinya ialah perkahwinan mereka tidak mendapat pengesahan daripada jabatan agama sehingga menyebabkan Fiza tidak dapat mendaftarkan anaknya sehingga kini.

### Kes Penganaiyan terhadap Wanita Tempatan

Yang berikut merupakan sebahagian daripada kes membabitkan wanita tempatan yang menjalin hubungan atau berkahwin dengan lelaki warga asing. *Dewan Masyarakat* telah menemui bual beberapa responden yang tampil membuat pengakuan tentang kesengsaraan yang dilalui oleh mereka setelah tanpa berkifir panjang membuat keputusan untuk berkahwin dengan lelaki warga asing.

Dalam kes tertentu, terdapat warga asing yang menghilangkan diri tanpa dapat dikesan. Jika ada yang berjaya dikesan, adakah mereka akan disenaraihitamkan daripada memasuki negara ini? Mengulas perkara tersebut, Datuk Seri Haji Mustafar menyatakan bahawa kesemua yang berjaya ditangkap akan dihantar ke depoh sementara, seterusnya didakwa di mahkamah. "Individu yang diusir pula terdapat beberapa tempoh tertentu yang telah ditetapkan sebelum dibenarkan memasuki negara ini semula," jelas beliau. Tambahnya, terdapat juga individu yang tidak dibenarkan masuk lagi ke negara ini sepanjang hayat atas kes-kes tertentu. Sebagai contoh, larangan tersebut akan dikuatkuasakan jika individu tersebut membawa mudarat yang besar kepada negara seperti melakukan jenayah terancang, dan lain-lain.

Rata-rata masyarakat mendakwa, prosedur perkahwinan dengan warga asing nampak seolah-olah mudah di negara ini, namun jelas Datuk Seri Haji Mustafar hal tersebut tidaklah semudah yang disangka. "Selain kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing, Bahagian Keselamatan Imigresen akan mengeluarkan satu surat kebenaran. Sebelum surat kebenaran khas dikeluarkan, pihak Imigresen akan berhubung dengan Wisma Putra di bawah Kementerian Luar terlebih dahulu untuk mendapatkan Surat Perakuan Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) dari kedutaan negara masing-masing (negara asal) sebelum dibenarkan berkahwin di negara ini. Hal tersebut merupakan salah

satu prosedur ketat yang perlu dilalui oleh mana-mana warga asing, namun dalam kes wanita Malaysia yang tertipu ini mereka hanya bertindak sendiri tanpa memikirkan kesan dan akibatnya walaupun pelbagai syarat telah diperkenalkan sekiranya warga asing tersebut ingin berkahwin dengan wanita di negara ini.

Masyarakat di negara ini sememangnya mengiktiraf sistem imigresen di negara ini antara yang tercanggih di dunia. Namun begitu, terpulung pada individu terbabit untuk mengikuti prosedur atau mengabaikan prosedur yang telah ditetapkan tersebut. "Surat Perakuan Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) perlu dibekalkan oleh warga asing tersebut jika mereka ingin mendapatkan keistimewaan seperti Malaysia Rumah Kedua (*MM2H-Malaysia My Second Home*). Individu terbabit perlu memiliki Surat Perakuan Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*), mesti depositkan sejumlah wang ke dalam akaun bank di negara ini, selain pelbagai tapisan ketat yang dibuat. Kita tidak mahu warga asing yang membuat permohonan tersebut mempunyai kaitan dengan pergerakan seperti Daesh, ISIS, dan sebagainya. Oleh sebab itu, selain imigresen, pihak polis juga turut serta terlibat dalam hal membuat tapisan ketat.

Melihat akan peraturan imigresen yang telah ditetapkan, diyakini bahawa undang-undang sedia ada sudah cukup untuk menakutkan warga asing yang ingin membuat onar di negara ini. Namun begitu, undang-undang tidak statik.

### Kes 2 - Muflis Selepas Suami Menghilangkan Diri



Perkahwinan Shira (bukan nama sebenar), seorang wanita pertengahan umur bersama-sama Andy hanya bertahan selama lapan bulan sebelum suaminya pulang ke negara asal selepas

dia diisytiharkan muflis oleh mahkamah. Lebih memeritkan, Shira, 40 tahun, terpaksa hidup dalam ketakutan akibat diburu along kerana dipercayai mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM700 000 yang dipinjam oleh suaminya, selain menanggung hutang kereta mewah yang dibuat atas namanya.

"Sebelum berkahwin, saya bertanya tentang perniagaannya di negara asalnya, tetapi dia mendakwa sudah menjual perniagaannya itu dan menggunakan wang itu untuk berkahwin dengan saya. Hal tersebut menyebabkan saya semakin dipercayainya," luah Shira ketika ditemui di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Selepas berkahwin, Shira hanya tahu ditipu apabila Andy tidak pulang ke rumah selama dua minggu, dan apabila dapat menghubunginya Andy menyatakan akan menceraikannya dalam tempoh terdekat.

### Kes 3 - Penyesalan yang Tidak Berpenghujung



Rina (bukan nama sebenar), 32 tahun, mendakwa perkahwinannya dengan seorang lelaki warga asing langsung tidak memberinya kebahagiaan, malah dia didera secara fizikal dan mental meskipun mempunyai

tiga orang zuriat hasil perkahwinan mereka. Menurutnyanya, dia juga digantung tidak bertali oleh warga asing itu yang suatu ketika dahulu pernah bekerja di sebuah ladang berhampiran kediamannya.

"Saya tidak bahagia berkahwin dengan lelaki warga asing kerana saya diperlakukan seperti hamba abdi. Saya perlu menurut segala kemahuannya selain dipukul, disepak dan diterajang hampir setiap minggu, rintihnya ketika ditemui di Ampang, Selangor.

Sehingga hari ini, suaminya itu lari meninggalkannya dan anak-anak. Rina memberitahu mungkin perkahwinannya dengan lelaki tersebut hanya berlandaskan hawa nafsu semata-mata. Dia kini terpaksa berkedai di sebuah kedai makan bagi menampung kehidupannya bersama-sama anak-anaknya dengan pendapatan RM 950 sebulan. Dia terpaksa berjinjit cermat untuk meneruskan kehidupan.